

## KHUTBAH JUMAAT

### “ZAKAT MENEGUH SOSIOEKONOMI, MENEBAR RAHMAT LIL- ‘ALAMIN”

(21 Disember 2018M/ 13 Rabiulakhir 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّديدِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٢٦٦﴾

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bertakwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar ketakwaan, dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita kemantapan iman dan takwa, amin. Pada hari ini khatib akan membicarakan tajuk **Zakat Meneguh Sosioekonomi, Menebar Rahmat Lil-'Alamin.**

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Antara kurniaan nikmat yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita ialah nikmat memiliki harta dan kekayaan. Kedua-dua nikmat ini sebagaimana yang disebut oleh ar-Raghib al-Isfahani *rahimahullah* ialah nikmat berada di dalam keadaan yang

baik dan hidup yang sempurna. Ia merupakan medan untuk menguji manusia bagaimana mereka menggunakan harta tersebut bagi meraih keredhaanNya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Isra', ayat 30 :

إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿٣٠﴾

**Maksudnya :** *Sesungguhnya Tuhanmu lah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya), dan Ia juga yang menyempitkannya (menurut yang demikian). Sesungguhnya, Ia Maha mendalam pengetahuannya, lagi Maha melihat akan hamba-hambanya.*

Nikmat kekayaan dan kesenangan tidak akan tercapai maksudnya melainkan harta tersebut diurus dengan baik dan menurut Objektif Syariah (Maqasid Syariah). Dalam konteks kita di Malaysia hari ini, kita mengguna-pakai Piawaian Pematuhan Syariah (Indeks Syariah). Semua ini adalah dengan satu tujuan iaitu mengharapkan redha dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala* di dunia dan di akhirat.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ketika ini, secara umumnya kita sedang berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi, peningkatan taraf hidup yang mencabar, dan cabaran ekonomi serantau dan global yang tidak menentu. Ini secara tidak langsung menuntut agar setiap individu muslim mengurus dan merencanakan pengurusan ekonomi dan kewangannya secara berhemat, bijaksana dan adil.

Pengurusan ekonomi dan kewangan secara berhemat telah menjadi anjuran di dalam al-Quran kepada orang yang beriman. Ia merupakan manifestasi ciri-ciri hamba Allah (*Ibadur-Rahman*) seperti yang terangkum di dalam surah al-Furqan, ayat 67 yang bermaksud :

*Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*

As-Syahid Syed Qutb *rahimahullah* tatkala menafsirkan ayat tadi menerusi karya monumentalnya, *Tafsir Fi Zilalil Quran*, menegaskan bahawa :

*“Inilah ciri Islam yang direalisasikan di dalam kehidupan individu, jamaah (masyarakat) dan umat, ia memberi pengarahannya dalam bentuk mendidik dan penguatkuasaan undang-undang. Semuanya tegak berdiri di atas prinsip-prinsip keseimbangan dan keadilan ...”*

Seorang muslim, meskipun diiktiraf hak pemilikan individu, namun tidak bermakna dia bebas membelanjakan hartanya sesuka hati, sepertimana yang diamalkan oleh para pemodal neo-kapitalisme liberal ! Malah amalan tersebut jika dilakukan amat bertentangan dengan Prinsip Syariah.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, harta di dalam Islam diikat dengan prinsip bersederhana antara dua perkara iaitu tidak boros dan tidak kikir.

Sikap boros membawa kerosakan kepada diri, harta dan masyarakat, malah negara. Manakala kikir pula menghalang harta daripada dimanfaatkan oleh pemiliknya bagi kepentingan masyarakat. Sedangkan harta antara wahana penting untuk mewujudkan keadilan sosial (*al-'adalah al-ijtima'iyah*) dalam masyarakat, umpamanya, menerusi amalan bersedekah, berzakat dan berwakaf.

Justeru, kehadiran Islam adalah untuk mengatur aspek ini yang merupakan sebahagian daripada kehidupan bermula, dari peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Nilai 'keadilan' yang menjadi satu ciri daripada ekonomi Islam yang juga disebut sebagai ekonomi manusiawi, sangat berhemat dan berkhidmat untuk umat sejagat.

Ekonomi Islam ditakrifkan oleh kebanyakan sarjana sebagai sains sosial yang mengkaji masalah ekonomi yang berpegang kepada nilai-nilai Islam. Ia lebih bersifat komprehensif berbanding dengan ekonomi konvensional kerana tidak mengabaikan faktor-faktor bukan ekonomi seperti etika, moral, sosial dan politik.

Secara teori, apabila wujud golongan miskin dan golongan berada atau kaya, maka akan wujudnya kelas. Justeru, wujudnya dua golongan ini, bermakna berlaku ketidakseimbangan atau sistem yang tidak sekata di dalam masyarakat. Jadi, apabila setiap individu daripada golongan kaya membayar zakat, dan diagihkan mengikut nisbah asnaf yang telah ditetapkan, maka dia telah mengimbangi

keadaan itu dengan cara mewujudkan apa yang tiada di pihak golongan miskin atau menambah apa yang kurang.

Zakat sebagai ‘pembersih’ atau ‘penyuci’ roh hasil harta-harta tersebut yang lahir di dalam bentuk dividen, bonus, lebih untung dan sebagainya. ‘Pembersihan’ atau ‘penyucian’ itu dilakukan melalui pembayaran zakat, yang mana harta yang dizakatkan itu diagihkan pula kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya sebagai sumber pendapatan dan ekonomi mereka pula, untuk diusahakan.

Seperti yang telah dicontohkan sebelumnya, proses yang sama boleh dan akan berulang secara berterusan dan berantaian sehingga kemiskinan dapat dibasmikan. Apabila ini terjadi, maka jurang perbezaan tadi dapat dikurangkan, atau lebih idealnya langsung dapat dihapuskan.

Di dalam pengertian yang lebih tepat, zakat itu sebenarnya adalah hak yang dikembalikan kepada yang berhak, bagi memastikan keadilan ekonomi di dalam masyarakat Islam. Hal ini telah dijelaskan di dalam sabda baginda *sallallahu alaihi wasallam* di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim *rahimahullah*, daripada Ibnu Abbas *radhiallahu anhuma* :

((أَنَّ مُعَاذًا قَالَ: بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ فَادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِدَلِّكَ، فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِدَلِّكَ، فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فَتُرَدُّ فِي فُقَرَائِهِمْ ...))

**Maksudnya :** *Sesungguhnya, Muaz radhiallahu anhu berkata : “Aku telah diutuskan oleh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam.” Baginda bersabda : ((Engkau akan mendapati golongan Ahli Kitab, oleh itu ajaklah mereka supaya mengakui bahawa tidak ada Tuhan yang disembah selain Allah, dan sesungguhnya aku Pesuruh Allah. Jika mereka telah mematuhi yang demikian, terangkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan mereka solat lima kali sehari semalam. Kalau mereka mentaatinya, ajarkanlah bahawa Allah memerintahkan kepada mereka supaya membayar zakat dari harta mereka yang dipungut dari orang kaya mereka dan dikembalikan kepada orang fakir miskin ...)).*

Akhirnya, semoga Allah *subhanahu wata’ala* mengurniakan kepada kita taufiq dan hidayah untuk sentiasa bersedia mentaati segala perintah dan larangan Allah *subhanahu wata’ala* dan RasulNya *sallallahu alaihi wasallam* termasuklah dalam menunaikan kewajipan zakat. Marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata’ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 277 :

## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ

عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٧﴾

**Maksudnya :** *Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan solat serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.



Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadratMu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.